

Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam

ABSTRAK

Belia merupakan kumpulan penting kepada kelangsungan politik Malaysia. Peningkatan jumlah kumpulan belia yang mewakili hampir separuh populasi pengundi berdaftar di Malaysia menjadikan kumpulan ini penting kepada negara kerana mereka mampu menentukan keputusan pilihan raya. Hakikatnya, kumpulan anak muda ini sangat sensitif kepada perubahan yang berlaku di persekitaran mereka dan sangat kritikal kepada dasar-dasar kerajaan yang tidak memberikan keuntungan kepada mereka. Oleh itu, berdasarkan kajian tentang peranan belia dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) di parlimen P.188 Silam mendapati bahawa protes belia di Parlimen Silam dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) (N.51 Kunak, N.50 Lahad Datu dan N.49 Tungku) di bawah Parlimen ini adalah disebabkan oleh kegagalan kerajaan terdahulu, iaitu Barisan Nasional (BN) dalam melaksanakan dasar dan program yang bermanfaat dan memberi keuntungan kepada belia. Protes ini diterjemahkan dalam bentuk undi ke atas Parti Warisan Sabah (PWS). Menyedari akan kepentingan belia kepada kelangsungan parti pemerintah, maka artikel ini menghujahkan bahawa parti pemerintah di peringkat nasional dan negeri pada hari ini perlu memberikan perhatian yang lebih serius ke atas isu keterpinggiran belia. Oleh itu, beberapa usaha mendekati belia perlu dilakukan secara konsisten dan ia bukan hanya menjadi rutin apabila tibanya musim pilihan raya.